

SIFE UMS laksanakan projek Bio Energy di Ulu Sugut

UB 12.07.2012 B1

RANAU: Students In Free Enterprise, Universiti Malaysia Sabah (SIFE UMS) baru-baru ini telah melancarkan satu projek baharu iaitu projek 'Bio-Energy' di Kampung Maridi, Ulu Sugut, Ranau.

Kampung Maridi merupakan sebuah kampung yang terletak di kawasan pedalaman Sabah dan terletak 175 kilometer dari Bandaraya Kota Kinabalu. Keadaan jalan raya yang tidak berturap menyebabkan perjalanan ke kampung itu mengambil masa selama tiga jam daripada pekan Ranau.

Komuniti yang menetap di Kg Maridi kebanyakannya terdiri daripada suku kaum Sungai dan Dusun, dan rata-rata penduduk menganut agama Islam. Antara kemudahan yang boleh diperolehi di kampung itu adalah sekolah rendah dan sekolah menengah, serta sebuah klinik desa.

Penduduk di Kg Maridi bekerja sebagai petani dan tanaman utama yang diusahakan adalah pertanian padi bukit, getah dan kelapa sawit. Jumlah lembu dan najis lembu yang terdapat di kampung itu telah mendorong pasukan SIFE UMS mencari jalan untuk menyelesaikan masalah penduduk kampung melalui penggunaan bahan semulajadi iaitu najis lembu.

Melalui keputusan kajian yang dijalankan di kawasan itu, pasukan SIFE UMS telah mendapati bahawa masalah utama yang dihadapi oleh sebanyak 115 buah keluarga di kampung itu adalah ketiadaan

bekalan elektrik.

Prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh komuniti di Kg Maridi, SIFE UMS telah menggunakan sepenuhnya bahan buangan semulajadi iaitu najis lembu menjana tenaga untuk menyalakan lampu dan gas memasak.

Projek Bio Energy Ulu Sugut SIFE UMS telah dilaksanakan bermula Mac 2012. Pada pertengahan April 2012, seramai enam ahli pasukan SIFE UMS iaitu Muhammad Azri Yasin, Muhamad Izzuddin Hilmi Musliman, Jeganraaj A/L Periasamy, Amanda Teo Peh Lee dan diketuai oleh Ilvenie Jemial, bersama-sama dengan Penasihat Fakulti SIFE UMS, Chua Yong Wei dan Hasba Mohd Basri telah menjalankan pembinaan pelan personal biodigester di Kg Maridi.

Untuk fasa pertama, pasukan SIFE UMS telah membina sebuah pelan personal biodigester di halaman rumah seorang penduduk kampung iaitu Sarmo. Beliau amat menyokong dan

memberikan kerjasama yang jitu semasa pelaksanaan projek Bio Energy ini.

Pasukan SIFE UMS juga telah mendapat bimbingan kepakaran daripada Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak Sabah (JPHPT), sebuah institusi kerajaan yang telah menjadi perintis kepada projek biogas di negeri Sabah.

Jabatan berkenaan telah mengimplementasikan konsep biogas selama dua tahun tanpa sebarang masalah. Antara pegawai yang terlibat adalah Penolong Pengarah Unit Pembangunan Industri Tenusu & Rusa JPHPT Kota Kinabalu, Ir Samto Sulah dan juga Penolong Pengurus Ladang SPT Sebrang Keningau, Dr Teddy Marshall Denis.

Pelaksanaan projek Bio Energy oleh SIFE UMS ini telah membantu penduduk di Kg Maridi mengurangkan beban perbelanjaan mereka terutamanya perbelanjaan untuk membeli minyak lampu dan gas memasak.



PASUKAN SIFE UMS bersama Sarmo dan keluarganya.